

Headline	Taja haji hargai imam, ketua JKKK		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	19 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	40,000
Page No	8	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	305 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,639
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,917



# Taja haji hargai imam, ketua JKKK

**PUTRAJAYA** - Seramai 1,000 jemaah termasuk dua tok batin dan lapan guru pondok menerima surat tawaran menunaikan fardu haji 2014/1435H di bawah Program Khas Haji Perdana Menteri-Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) 2014/1435H.

Majlis penyerahan surat tawaran, disempurnakan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin di sini, semalam.

Selain tajaan haji, mereka turut menerima wang saku RM1,000 setiap seorang, kain pasang, kain pelek dan kurma.

Dalam ucapannya, Najib berkata program tersebut adalah untuk menghargai jasa imam dan pengerusi jawatankuasa keselamatan dan kemajuan kampung (JKKK) di seluruh negara yang dianggap tidak ternilai.

"Tuan-tuan banyak jasa dan

khidmatnya. Bukan senang jadi imam. Peranan imam dan ketua kampung besar dalam masyarakat kita.

"Kedua-dua institusi ini saya anggap amat penting sebagai teras kesejahteraan sosial dalam negara," katanya.

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom; Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Seri Hassan Malek; Pengerusi 1MDB, Tan Sri Lodin Wok Kamaruddin dan Pengerusi Lembaga Tabung Haji, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim.

Najib berkata, program itu juga akan diteruskan pada masa akan datang, dengan kemungkinan memberi peluang kepada bilal dan tok siak di seluruh negara.

"Insya-ALLAH kalau ada rezeki kita akan teruskan pada masa akan

datang. Mungkin kita akan cari bilal dan tok siak pula supaya yang lain dapat merasai nikmat menunaikan rukun Islam kelima," katanya.

Najib berkata, kemakmuran negara hasil pengurusan yang baik oleh kerajaan tidak boleh dipandang ringan kerana ia akan dipulangkan semula

kepada rakyat dalam pelbagai bentuk termasuk program-program seperti ini.

"Saya amat berharap tuan-tuan menunaikan ibadat haji dengan penuh ketertiban dan disiplin. Jagalah nama baik negara jangan lupa doakan untuk negara aman, makmur dan kesejahteraan kita bersama," katanya.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menyempurnakan pelancaran program Ramadan Al-Mubarak peringkat nasional serta pengagihan kurma dan air zam zam di masjid seluruh negara. - Bernama



Najib bersama sebahagian daripada 1,000 bakal jemaah haji pada majlis penyerahan surat tawaran fardu haji Program Khas Haji Perdana Menteri Yayasan 1MDB 2014/1435H di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, semalam.